

**Bil. 18**

**Rabu**

**5 April 2017**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

**KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**



## K A N D U N G A N

### UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Permohonan Sekolah Berasrama Penuh (SBP)  
di Parlimen Bagan Serai**  
– *YB. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali  
(Bagan Serai)* [Halaman 1]
- **Rasional Pengeluaran EOT Kepada Pemaju**  
– *YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)* [Halaman 3]



### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

### MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRS
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO

16. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] - PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titiwangsa] - UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] - UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO

3. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Lee Chee Leong – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – P.R.S., D.I.M.P
30. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP
31. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy – *Senator*
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [lgan] - PBB
10. “ Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB

16. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] - UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
44. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO

48. Yang Berhormat Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] - UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
52. “ Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
58. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]

10. Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. " Dato' Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. " Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. " Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
14. " Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. " Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. " Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
17. " Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. " Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. " Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
20. " Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. " Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. " Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. " Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. " Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. " Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. " Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. " Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### **AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. " Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. " Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. " Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. " Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. " Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. " Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. " Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. " Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. " Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. " Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. " Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. " Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. " Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. " Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. " Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]

17. Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**AHLI-AHLI (AMANAH)**

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

**PSM**

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

**AHLI-AHLI (BEBAS)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

**PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh]

**WARISAN**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Puan Lavinia A/P Vyveganathan

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
Alzian binti Baharudin  
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Siti Norlina binti Ahmad  
Noraidah binti Manaf

Suriyani binti Mohd. Noh  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Nurul Atikah binti Basrudin  
Nor Effazimmah binti Maliki  
Nur Annisa binti Hamid  
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Ismalinda binti Ismail  
Hazliana binti Yahaya  
Amir Arshad bin Ab Samad  
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed  
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman  
Nurul Fadhilah binti Ibharim  
Hizamihatim Maggiha bin Juara

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 5 April 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Permohonan Sekolah Berasrama Penuh (SBP)**  
**di Parlimen Bagan Serai**

**2.33 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera.*

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara di atas, saya ingin mengemukakan usul berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17 baru kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai permohonan sekolah berasrama penuh (SBP) di Parlimen Bagan Serai dalam Daerah Kerian. Dalam keputusan SPM baru-baru ini di Daerah Kerian telah mencapai keputusan terbaik 2016 di negeri Perak dengan gred purata sekolah (GPS) adalah 4.91 mengatasi GPS negeri iaitu 5.17, dan GPS nasional 5.10. Daerah ini juga telah mendapat keputusan SPM terbaik di negeri Perak pada tahun 2013 dan 2015 walaupun pelajar-pelajar ini dari luar bandar yang serba kekurangan. Tahniah kepada warga pendidik di Daerah Kerian.

Dengan *tagline "Kerian Excellence"*, daerah ini berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam akademik dan kokurikulum, seiring dengan falsafah pendidikan negara untuk melahirkan pelajar yang seimbang dan holistik. Daerah Kerian tidak mempunyai walau satu pun SBP seperti yang terdapat di daerah lain. Pelajar cemerlang di daerah ini terpaksa membuat pilihan sukar untuk berhijrah ke daerah lain yang mempunyai SBP serta terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih. Daerah ini kehilangan anak-anak pintar selepas keputusan UPSR diumumkan setiap tahun.

Kewujudan SBP di daerah ini akan menarik lebih ramai masyarakat luar ke Bagan Serai dan bakal menyaksikan banyak peluang pekerjaan serta perniagaan di mana ia akan meningkatkan ekonomi rakyat di Parlimen Bagan Serai dalam Daerah Kerian. Kewujudan ini juga merupakan salah satu impian rakyat Bagan Serai yang saya rasa agak ketinggalan dari daerah lain yang mempunyai SBP. Besarlah harapan saya agar kementerian dapat menilai permintaan rakyat di Parlimen ini. Sekian, terima kasih.

**2.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat Bagan Serai dan memohon sekolah berasrama penuh (SBP) di Daerah Kerian, Parlimen Bagan Serai. Pada kesempatan ini, izinkan saya menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sekolah berasrama penuh (SBP) diwujudkan bagi menyediakan suasana persekolahan yang terancang, terkawal dan kondusif bagi mengembangkan potensi murid yang cemerlang ke arah melahirkan modal insan berkualiti. SBP merupakan salah satu program di bawah KPM untuk menjana insan yang mempunyai kecemerlangan ilmu, kemapanan sahsiah, kesejagatan kepimpinan dan kejituan patriotisme bagi melahirkan ahli sains, teknokrat dan profesional yang dapat memenuhi aspirasi negara. Dasar pengoperasian SBP adalah seperti berikut:

- (i) memastikan murid luar bandar daripada keluarga kurang berkemampuan yang berpotensi dari segi akademik mendapat pendidikan yang lebih sempurna dengan menyediakan sekurang-kurang 70 peratus tempat di SBP;
- (ii) menyediakan kemudahan dan iklim pembelajaran yang kondusif bagi membolehkan murid mencapai tahap kecemerlangan dalam kurikulum dan kokurikulum;
- (iii) melahirkan murid yang memiliki keperibadian unggul (*towering personality*), iaitu berilmu, berkemahiran dan beretika mulia serta berketerampilan;
- (iv) melahirkan bakal pemimpin yang berkualiti; dan
- (v) membina watak sekolah bercirikan kecemerlangan yang boleh dijadikan penanda saraan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, SBP dilaksanakan oleh KPM sejak tahun 1957 apabila Penyata Razak telah memperakukan penubuhan enam buah SBP. SBP terus berkembang secara berperingkat-peringkat di seluruh negara. Perkembangan SBP ini bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan berkualiti tinggi.

Setakat tahun ini, terdapat 69 buah SBP di seluruh negara termasuk tujuh buah di negeri Perak. SBP yang terdapat di negeri Perak ialah:

- (i) *The Malay College* Kuala Kangsar;
- (ii) Sekolah Tuanku Abdul Rahman;
- (iii) Sekolah Menengah Sains Raja Tun Azlan Shah;
- (iv) Sekolah Menengah Sains Teluk Intan;
- (v) Sekolah Menengah Sains Bagan Datoh;
- (vi) Sekolah Menengah Sains Tapah; dan
- (vii) Sekolah Berasrama Penuh Integrasi, Gopeng.

Di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan* Pertama (2016-2017), KPM telah memohon SBP baharu di Daerah Manjung, Perak dan telah diluluskan. Walau bagaimanapun belum terdapat SBP yang beroperasi dalam Daerah Kerian, kawasan Parlimen Bagan Serai. Pada masa ini, SBP sedia ada mampu menampung keperluan permohonan kemasukan murid dari seluruh negara. Murid-murid cemerlang dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) yang memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan boleh diterima masuk di mana-mana 69 buah SBP yang terdapat di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, KPM sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Keutamaan kerajaan ialah membina sekolah kerajaan berdasarkan keperluan. Namun, dalam proses menyediakan pembinaan sesebuah sekolah, beberapa syarat yang telah digariskan oleh kerajaan perlu dipatuhi. Di samping itu, kemampuan kewangan negara juga diambil kira.

Pembinaan SBP adalah berdasarkan keperluan nasional. Buat masa ini KPM belum ada cadangan untuk membina sebuah SBP baharu di Daerah Kerian, Perak. KPM lebih menumpukan kepada usaha untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur dan menaik taraf SBP yang sedia ada supaya dapat menyediakan kemudahan dan iklim pembelajaran yang kondusif dan sempurna. KPM akan memastikan semua sekolah mempunyai tahap infrastruktur minimum yang boleh diterima, disesuaikan dengan keperluan sekolah secara berkesan kos.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data pada 13 Mac 2017, penawaran kemasukan murid Tingkatan 1 ke SBP ialah sebanyak 13,138 yang melibatkan 6,574 murid perempuan dan 6,564 murid lelaki. Daripada jumlah tersebut, seramai 989 murid dari negeri Perak ditawarkan ke SBP dan 8.1 peratus daripadanya merupakan murid sekolah Daerah Kerian. Ini bermakna murid-murid Daerah Kerian turut diberi peluang melanjutkan pelajaran di SBP. Peratus tersebut adalah adil jika dibandingkan dengan 12 Pejabat Pendidikan Daerah di Perak dan 141 buah Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah atas pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Daerah Kerian yang disenaraikan dalam kedudukan terbaik di peringkat negeri Perak pada tahun 2016, meneruskan tradisi kecemerlangan pada tahun-tahun sebelumnya. Pencapaian tersebut membuktikan bahawa kecemerlangan akademik boleh dicapai walaupun murid berada di sekolah menengah harian biasa. KPM akan terus melaksanakan semua perancangan, strategi dan inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi meningkatkan pencapaian murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. KPM bertanggungjawab menyediakan guru terlatih yang cukup dan komited serta sentiasa diberi latihan peningkatan profesionalisme secara berterusan.

Pada masa yang sama, KPM menggalakkan kerjasama semua pihak dalam membantu pihak sekolah meningkatkan prestasi dan penguasaan akademik murid. Sokongan padu daripada pihak PIBG dan komuniti termasuk pemimpin kerajaan telah banyak membantu dalam program-program kecemerlangan akademik sekolah.

Selain daripada peluang ke SBP, murid cemerlang UPSR di Daerah Kerian juga boleh memohon ke empat buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) Rancangan Khas Negeri yang menyediakan kemudahan asrama yang dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak. Antaranya SMK Raja Permaisuri Bainun. Selain daripada itu JPN Perak juga mengadakan Kelas Rancangan Khas (KRK) dan Kelas Aliran Agama (KAA) yang dikendalikan oleh JPN di sembilan buah sekolah menengah kebangsaan Daerah Kerian.

SMK Rancangan Khas Negeri, Kelas KRK dan kelas KAA diadakan untuk membantu murid-murid cemerlang UPSR yang tidak terpilih ke SBP. Murid-murid ini dipantau dan diberi perhatian khusus oleh JPN negeri. Warga Parit Buntar juga patut berbangga kerana SK Methodist Parit Buntar dalam Parlimen Bagan Serai tersenarai sebagai salah sebuah sekolah kluster kecemerlangan (SKK). SKK ialah sekolah cemerlang dalam kelompoknya yang dapat melahirkan murid secara holistik dalam aspek akademik, kokurikulum, sahsiah serta penampilan diri.

Tuan Yang di-Pertua, Kesimpulannya, pendidikan yang dilaksanakan di SBP terbukti dapat memenuhi matlamat meningkatkan peluang murid-murid dari kawasan luar bandar. SBP menyediakan 70 peratus tempat kepada murid luar bandar dan murid dari keluarga isi rumah B40 dari seluruh negara. KPM berpandangan bahawa SBP sedia ada di seluruh negara berupaya menyediakan peluang untuk murid-murid cemerlang melanjutkan pelajaran.

Oleh itu, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk membina SBP baharu di setiap kawasan Parlimen termasuk Parlimen Bagan Serai. Pada masa hadapan, kerajaan akan mengkaji keperluan pembinaan SBP baharu berdasarkan kepentingan nasional bergantung kepada kelulusan agensi pusat dan kedudukan kewangan kerajaan. Sekian. Terima kasih.

### **Rasional Pengeluaran EOT kepada Pemaju**

#### **2.46 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di bawah terma Perjanjian Jual-Beli (SPA), pemaju mempunyai tanggungjawab untuk menyiapkan pembinaan projek dalam tempoh yang ditetapkan dalam SPA, di mana pemaju hendaklah menyiapkan hartanah (*landed property*) dalam 24 bulan, 36 bulan untuk pangsapuri atau rumah berstrata dan serahkan milikan kosong (*vacant possession*) kepada pembeli rumah. Sekiranya pemaju gagal menyiapkan dan menyerahkan dalam tempoh ini, pemaju perlu bayar pampasan ataupun LAD kepada pembeli rumah atas kelewatannya. Begitu juga, jika pembeli rumah lewat membayar wang ansuran kepada pemaju, pembeli rumah juga hendak bayar pampasan kelewatan pada kadar 10 peratus setahun kepada pemaju juga.

Ini adalah apa yang termaktub dalam Undang-undang *Housing Development (Control and Licensing) Act*. Di sini saya ingin tanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang pengeluaran kebenaran kelebihan masa ataupun *extension of time* (EOT) kepada pihak pemaju dalam beberapa tahun kebelakangan ini, yang mana telah mencetuskan ketidakpuasan ramai pembeli rumah yang menunggu LAD daripada pihak pemaju sehingga mereka mengambil tindakan mahkamah untuk mencabar keputusan Menteri yang meluluskan EOT kepada pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat yang menghadapi banyak soalan daripada pembeli rumah, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, berapa permohonan EOT diluluskan oleh Menteri dalam empat tahun yang lepas? Apakah nama projek, nama pemaju yang terima kelulusan EOT daripada kementerian? Apakah alasan dan keadaan setiap pemohon EOT dan juga tempoh dan syarat yang dikenakan oleh kementerian terhadap setiap permohonan EOT ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tanya berapakah permohonan EOT ditolak oleh kementerian? Apakah mekanisme yang menentukan sama ada suatu permohonan harus diluluskan ataupun ditolak. Memandangkan isu kelulusan EOT oleh Yang Berhormat Menteri telah menjadi isu yang kontroversi pada kebelakangan ini, saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penerangan terhadap soalan-soalan yang saya bangkitkan. Sekian. Terima kasih.

**2.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Seputeh.

Tuan Yang di-Pertua, saya kadang-kadang tidak faham dengan Yang Berhormat Seputeh ini kerana soalan yang berkaitan dengan isu EOT ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri saya pada 3 April, kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Seremban.

Sekarang Yang Berhormat tanya saya lagi pada soalan yang sama yang telah pun *didetailkan* oleh Yang Berhormat Menteri pada 3 April. Soalan berbangkit daripada Yang Berhormat daripada kawasan Seremban. Akan tetapi tidak apalah, mungkin agaknya Yang Berhormat tidak berapa jelas agaknya atau tidak berapa faham agaknya. Jadi hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat supaya selepas ini Yang Berhormat jangan tanya lagi kerana Yang Berhormat seharusnya faham dengan isu ini, ya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat daripada kawasan Seputeh, sebelumnya dia makluman, sesuai dengan jawab pada 31 April yang lalu. Permohonan dan kelulusan-kelulusan bagi pindaan kepada Perjanjian Jual-Beli, Tuan Yang di-Pertua, bagi melanjutkan tempoh serahan milikan kosong dipertimbangkan berdasarkan kepada kuasa yang diberikan kepada Pengawal Perumahan di bawah Peraturan 11(3), Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, Akta 118.

Dalam mempertimbangkan permohonan di bawah peruntukan ini, kementerian menilai beberapa perkara kerana terdapat enam persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam usul yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Saya ingin memaklumkan, kementerian menilai melalui kesusahan ataupun keadaan-keadaan khas permohonan berdasarkan kepada perkara-perkara berikut. Ini perkara isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada soalan nombor empat, iaitu:

- (i) satu kejadian bencana alam;
- (ii) sekatan, halangan pemajuan;
- (iii) skala projek yang dimajukan;
- (iv) ketinggian bangunan yang dibina;
- (v) ciri-ciri binaan;
- (vi) saiz tapak pemajuan;
- (vii) lokasi tapak projek;

- (viii) pembinaan infrastruktur mengikut kehendak kebenaran merancang (KM); dan
- (ix) lain-lain alasan teknikal yang berkaitan dengan pemajuan projek.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pengawal Perumahan di bawah Perenggan 11(3) yang saya sebutkan tadi, boleh mengemukakan rayuan kepada Yang Berhormat Menteri KPKT dalam tempoh 14 hari iaitu selepas ia diberitahu mengenai keputusan yang dikeluarkan oleh Pengawal itu di bawah Peraturan 12, Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 [Akta 118] yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang Di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, soalan nombor satu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam usul tadi, kementerian telah pun menerima sebanyak 361 permohonan di bawah peruntukan 11(3), Peraturan 1989 [Akta 118] dari Jun 2014 sehinggalah pada bulan Februari 2017. Jadi Yang Berhormat jangan pula hendak tanya sebelum 2014. Saya beri 2014 hingga 2017 ini jumlahnya sudah sampai 361.

Daripada jumlah tersebut Tuan Yang di-Pertua, 291 permohonan telah diluluskan termasuklah 11 permohonan diluluskan bagi unit yang belum dijual sahaja dan satu permohonan diluluskan dengan syarat menandatangani perjanjian tambahan, enam kelulusan dengan syarat mendapat persetujuan pembeli dan satu kelulusan bersyarat memaklumkan pembeli. Apa pun Yang Berhormat, makluman perbincangan dan sebagainya dengan pembeli itu mesti diadakan. Selain daripada itu, baki 70 permohonan telah pun ditolak oleh pengawal ataupun timbalan pengawal perumahan.

Selain daripada itu, bagi tempoh yang sama pihak kementerian juga turut telah pun menerima 19 permohonan rayuan yang difailkan kepada Yang Berhormat Menteri KPKT di bawah Peraturan 12 bagi mempertimbangkan semula keputusan yang telah pun dibuat oleh Pengawal Perumahan. Mereka tidak puas hati, mereka boleh buat rayuan dalam tempoh 14 hari seperti yang saya sebutkan tadi kepada Yang Berhormat Menteri. Daripada jumlah tersebut Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 13 permohonan telah pun diluluskan termasuk tiga kelulusan bersyarat mendapatkan persetujuan pembeli dan tujuh kelulusan dengan syarat memaklumkan pembeli dan baki enam permohonan lagi telah ditolak oleh Yang Berhormat Menteri KPKT.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada kawasan Seputeh, saya hendak jelaskan ini supaya Yang Berhormat faham, ya. Jadi bila Yang Berhormat keluar daripada Kamar Khas ini, tidak ada lagi persoalan-persoalan yang memutar belitkan apa yang telah pun dinyatakan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri pada 3 April yang lalu tentang bagaimana EOT itu diberikan. Jadi saya hendak beritahu Yang Berhormat, kementerian tidak pernah mengabaikan kepentingan pembeli dalam mempertimbangkan permohonan bagi pemajuan yang telah pun dijual.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa menjadi keutamaan kepada kementerian untuk mendahulukan pembeli dengan menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju apabila mereka mahu membuat sebarang permohonan EOT. Syarat-syarat yang dikemukakan ini adalah bagi memastikan supaya pemaju mengambil tindakan sewajarnya dengan mencari jalan yang terbaik untuk pembeli bagi memastikan projek yang dibangunkan oleh pemaju yang berkenaan dapat disempurnakan tanpa menyebabkan projek itu menjadi projek terbengkalai dan akhirnya dapat diserahkan kepada pembeli dengan baik mengikut tempoh masa yang telah pun ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli yang berhormat juga, kriteria-kriteria yang diberikan adalah sebagai panduan untuk kita mempertimbangkan permohonan yang dikemukakan oleh pihak pemaju. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan sesebuah pemajuan perumahan ia adalah sebenarnya lebih kompleks Yang Berhormat dan berbeza-berbeza di antara satu pemajuan dengan satu pemajuan yang lain. Ia tidak sama, ada masalah-masalah yang lain. *It is first* daripada satu pemajuan kepada pemajuan yang lain.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada soalan 6 yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat daripada kawasan Seputeh, apakah justifikasinya? Justifikasi berkaitan dengan kesusahan dan keadaan-keadaan khas yang telah pun saya sebut secara panjang lebar tadi yang dihadapi oleh pihak pemaju akan dijadikan sebagai satu mekanisme pertimbangan bagi sesuatu permohonan tersebut ditolak ataupun diluluskan, sama ada bersyarat atau tanpa syarat.

Dalam pada itu juga Tuan Yang di-Pertua, tempoh pemajuan projek di dalam Perjanjian Jual-Beli seragam tidak pernah dipinda sejak daripada tahun 1989, di mana projek-projek yang dijalankan pada tahun ini hanya melibatkan bangunan yang kurang daripada 20 tingkat yang mana ianya adalah berbeza dengan pemajuan yang ada pada masa sekarang yang melibatkan pembangunan yang melebihi 40 tingkat di samping mempunyai berbagai-bagai kemudahan dan keperluan dan banyak syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh mana-mana pihak *authority* yang lain.

Jadi saya harap kalau Yang Berhormat tidak faham, nampak macam tidak faham, Yang Berhormat rujuklah kepada *Hansard* jawapan yang telah pun diberikan oleh Yang Berhormat Menteri pada 3 April kepada Yang Berhormat Seremban. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak cakap itu nama pemaju projek.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya, okey. Saya ada senarai ini Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Seputeh suruh saya sebut satu-satu. Ada 291 ini, saya akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat dan jangan minta dalam tempoh 24 jam. Jadi saya boleh hantar kepada Yang Berhormat bila saya sudah siap senarai penuh dan lengkap supaya Yang Berhormat boleh gunakan fakta yang tepat ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini Yang Berhormat Seputeh dengan Menteri, kopi. Kopi di luar sana, sembang-sembang. Okey, terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 6 April 2017.

**[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.57 petang]**